



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF (FSGK)

KOD/NAMA KURSUS

GKD2134/THEATRE MANAGEMENT

NAMA PENSYARAH

ENCIK MADZLAN ABET

TAJUK TUGASAN

ASSIGNMENT 1 : JOB SCOPE

NAMA PENUH	NOMBOR MATRIK
DANNABELLE DYANNE HILARIAN	86386

PROGRAM/KUMPULAN

UW6212002/ SARJANA MUDA SASTERA DALAM DRAMA DAN TEATER

TARIKH PENGHANTARAN

19 MEI 2024

1.0 LIMA PERANAN UTAMA DALAM SYARIKAT TEATER

The Life Flame merupakan sebuah syarikat teater, saya telah memegang jawatan sebagai pengurus media sosial. Pengurus media sosial dalam sesebuah syarikat teater memainkan peranan penting dalam meningkatkan kehadiran dalam talian, meningkatkan kesedaran tentang persembahan dan program, serta membina hubungan dengan peminat. Berikut merupakan lima peranan penting bagi Pengurus Media Sosial dalam sesebuah Syarikat teater :

a) MENCIPTA KONTEN

Merencanakan, membuat dan mempublikasikan konten yang relevan dan menarik untuk pelbagai platform media social. Ini termasuklah dalam posting secara kerap. Membahagikan artikel atau video, serta berinteraksi dengan pengikut di media sosial.

b) MENCIPTA AKAUN MEDIA SOSIAL

Bertanggungjawab atas pengurusan akaun media sosial syarikat, termasuklah merespon komen di media sosial.

c) EKSPERIMEN DAN INOVASI

Berusaha untuk selalu memperbaharui dan meningkatkan strategi pemasaran dengan menguji idea-idea baru, dan mengeksplorasi filter-filter baru di platform media sosial.

d) PENGURUSAN KRISIS

Bersedia untuk menangani situasi krisis yang mungkin timbul di media sosial, seperti reputasi negatif atau tindak balas terhadap kempen tertentu. Ini melibatkan tindak balas yang cepat dan berkesan untuk meredakan keadaan mengekalkan integriti syarikat.

e) PENGIKLANAN DAN PROMOSI

Menguruskan kempen pengiklanan dan promosi di platform media sosial untuk meningkatkan kesedaran tentang persembahan teater, menjual tiket, dan mempromosikan program-program khas.

2.0 CARA DAN SETIAP PERANAN PENGURUS MEDIA SOSIAL MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN PUBLISITI SYARIKAT TEATER

a) MENGGALAKKAN PENGLIBATAN

Pengurus media sosial dapat menggalakkan penglibatan melalui pertandingan, soal jawab, atau petunjuk eksklusif yang berkaitan dengan persembahan. Ini boleh merangsang minat dan keinginan untuk menyertai atau menonton teater tersebut.

b) PROMOSI KHAS DAN TAWARAN ISTIMEWA

Pengurus media sosial boleh menggunakan platform tersebut untuk mempromosikan penawaran khas seperti diskaun tiket yang dikenali sebagai “*early bird*”. Ini dapat meningkatkan jualan tiket dan memberikan insentif kepada penonton untuk menonton teater tersebut.

c) KOLABORASI BERSAMA INFLUENCER/INFLUENER TEMPATAN

Mengambil bahagian dalam Kerjasama dengan influencer atau personality terkenal di media sosial boleh membantu meningkatkan visibility dan imej syarikat teater di kalangan pengikut influencer tersebut.

d) MENGUKUR DAN MENILAI PRESTASI

Pengurus media sosial harus aktif dalam mengurus dan menilai keberkesanan usaha-usaha publisiti mereka. Ini termasuk melihat statistic pertumbuhan peminat, tahap penglibatan dan impak terhadap jualan tiket atau penyertaan program-program teater.

e) MENINGKATKAN KESEDARAN

Dengan menghasilkan kandungan konten yang menarik dan berkualiti, pengurus media sosial boleh meningkatkan kesedaran tentang persembahan teater tersebut di kalangan peminat dan Masyarakat umum. Kandungan seperti poster, video klip belakang tabir dan ulasan program dapat membantu menarik perhatian dan minat orang ramai.

